

Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

Skor

60

Bahagian A

1. Mengapakah golongan bijak pandai dan pujangga istana mampu menghasilkan karya dalam bentuk batu bersurat dan manuskrip? **SP 5.2.3 TP2**
A Menerima pendidikan formal
B Perkembangan sistem tulisan
C Perkembangan sistem bahasa
D Menerima pendidikan tidak formal
2. Apakah bukti penggunaan bahasa Melayu Champa dan bahasa Sanskrit dalam kalangan masyarakat kerajaan Champa? **SP 5.2.3 TP2**
A Kalendar *Saka*
B Batu Bersurat Talang Tuwo
C Batu Bersurat Cherok Tok Kun
D Penemuan batu bersurat dalam kedua-dua bahasa
3. Apakah bahasa utama masyarakat kerajaan Majapahit? **SP 5.2.3 TP2**
A Khmer
B Sanskrit
C Jawa Kuno
D Bahasa Melayu
4. Antara berikut, yang manakah perkataan daripada bahasa Arab? **SP 5.2.3**
I Dosa
II Zalim
III Kamus
IV Gandum
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
5. Antara berikut, yang manakah tema utama tradisi lisan masyarakat kerajaan Alam Melayu? **SP 5.2.3 TP2**
I Seloka
II Agama
III Hiburan
IV Teladan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
6. Apakah karya persuratan yang masyhur dalam kerajaan Majapahit? **SP 5.2.3 TP2**
A *Nagarakertagama*
B *Akayet Deva Mano*
C *Hikayat Seri Rama*
D *Inilah Hikayat Nur Muhammad*
7. Apakah fungsi seni bina *baray* kepada masyarakat kerajaan Angkor? **SP 5.2.3 TP2**
A Pusat beribadat
B Pusat pendidikan
C Pusat pentadbiran
D Menyalurkan air ke kawasan pertanian
8. Antara berikut, yang manakah tinggalan candi Buddha yang masyhur semasa kerajaan Kedah Tua? **SP 5.2.3 TP2**
I Candi Cetho
II Candi Tikus
III Candi di Bukit Chorus
IV Candi di Bukit Pendiat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



9. Apakah balasan yang diberikan oleh golongan diperintah kepada golongan pemerintah yang telah menjaga dan melindungi rakyatnya? **SP 5.2.3 TP2**
- A Derhaka
 - B Taat setia
 - C Menjadi hamba
 - D Terlibat dalam pentadbiran

10. Apakah peranan golongan hamba dalam masyarakat kerajaan Alam Melayu? **SP 5.2.3 TP2**
- A Memantau kawasan
 - B Mengendalikan cukai
 - C Memerintah kawasan pegangan
 - D Terlibat dalam sektor sosioekonomi